

Penasihat:
Zaharah Hj Abdullah

Ketua Editor:
Muhammad Al Amin Mustafha

Editor:
Nurul Wahida Latif

Website:
www.i-sukan.upm.edu.my

Facebook:
Pusat Sukan UPM

No. Tel:
03-8946 4289

BENKEL PENETAPAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) PUSAT SUKAN 2017

Pusat Sukan UPM telah mengadakan Bengkel Penetapan *Key Performance Indicators* (KPI) pada 10 Januari 2017 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Sukan UPM. Bengkel penetapan KPI Pusat Sukan ini bertujuan untuk menyediakan satu pelan tindakan strategik yang merangkumi hala tuju dan perancangan Pusat Sukan bagi tahun 2017. Bengkel seperti ini penting bagi menyokong matlamat yang digarapkan oleh pihak Universiti Putra Malaysia khususnya dan Kementerian Pendidikan Tinggi amnya. Selaku sebuah jabatan yang mengendalikan sukan di UPM, KPI Pusat Sukan merupakan satu peranan yang penting bagi melonjakkan prestasi universiti dengan menyediakan perkhidmatan sukan yang mantap serta menghasilkan modal insan yang berdaya saing di masa hadapan. KPI Pusat Sukan bukanlah suatu terma baharu. Secara sedar atau tidak amalan KPI telah lama dipraktikkan di Pusat Sukan UPM yang menjurus kepada peningkatan kualiti kerja.



TAKWIM KEJOHANAN SUKAN KOLEJ SEMESTER 2, SESI 2016/2017

HARI	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN
A	1					
I	2				1	
S	3				2	
R	4	1	1		3	
K	5	2	2		4	1
J	6	3	3		5	2
SA	7	4	4	1	6	3
A	8	5	5	2	7	4
I	9	6	6	3	8	5
S	10	7	7	4	9	6
R	11	8	8	5	10	7
K	12	9	9	6	11	8
J	13	10	10	7	12	9
SA	14	11	11	8	13	10
A	15	12	12	9	14	11
I	16	13	13	10	15	12
S	17	14	14	11	16	13
R	18	15	15	12	17	14
K	19	16	16	13	18	15
J	20	17	17	14	19	16
SA	21	18	18	15	20	17
A	22	19	19	16	21	18
I	23	20	20	17	22	19
S	24	21	21	18	23	20
R	25	22	22	19	24	21
K	26	23	23	20	25	22
J	27	24	24	21	26	23
SA	28	25	25	22	27	24
A	29	26	26	23	28	25
I	30	27	27	24	29	26
S	31	28	28	25	30	27
R		29	29	26	31	28
K		30	30	27		29
J		31	31	28		30
SA				29		
A				30		
I						

- HARI MINGGU
- KEJOHANAN SUKAN KOLEJ
- CUTI SEMESTER

Senarai Acara Dipertandingkan Semester Kedua

1. Bola Jaring
2. Lari Berganti-Ganti
3. Bola Tampar (L) & (W)
4. Futsal (L) & (W)
5. Petanque (L) & (W)
6. Renang (L&W)
7. Bola Baling (L&W)
8. Catur (L) & (W)
9. Hoki 6's (L)
10. Olahraga
11. Tenis (L&W)
12. Sepak Takraw
13. Ragbi Sentuh

*Tertakluk kepada perubahan

*Keputusan Sukan Kolej UPM Semester 2, Sesi 2016/2017 sehingga 24 Februari 2017

Bola Jaring: Johan (Kolej Keenam) Naib Johan (Kolej Kesebelas)

ATLET HOKI WANITA UPM JULANG MALAYSIA TIGRESS DALAM KEJOHANAN LIGA HOKI DUNIA

Seramai 11 orang pelajar UPM telah membantu pasukan Hoki Wanita Kebangsaan menjadi Naib Johan Pusingan Kedua Liga Hoki Dunia yang telah diadakan pada 14 hingga 22 Januari 2017 bertempat di Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Dengan kejayaan yang dirangkul, Pasukan Hoki Wanita Negara sekaligus telah layak secara automatik untuk beraksi dalam Pusingan Ketiga Liga Hoki Dunia di Brussels, Belgium pada Jun 2017. Kejohanan ini amat penting dalam misi untuk memburu tiket ke Piala Dunia 2018. Antara atlet-atlet Hoki Wanita UPM yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Siti Noor Amarina Ruhani
2. Mas Huzaimah Md. Aziz
3. Raja Norshahrina Raja Shahbudin
4. Nurul Safiqah Mat Isa
5. Fatin Shafika Md Shukri
6. Norazlin Sumantri
7. Nurul Nabihah Mansur
8. Surizan Awang Noh
9. Wan Norfaiezah Md Saiuti
10. Hanis Nadiyah Onn
11. Noraslinda Said



Dalam aksi perlawanan akhir, pasukan Malaysia telah ditundukkan oleh Pasukan Ireland dengan keputusan 0-3. Dalam perlawanan tersebut, atlet Negara yang juga merupakan pelajar Bachelor Komunikasi UPM tahun ke 2, Hanis Nadiyah Onn telah dinobatkan sebagai "Best Player Junior".

SAINGAN UPM SERDANG ANGELS DALAM AIRASIA MALAYSIA RUGBY LEAGUE (MRL) 2017

UPM Serdang Angels meneruskan penyertaan dalam kejohanan Ragbi Liga Malaysia (Divisyen Premier) pada tahun 2017 selaku juara bertahan. Untuk rekod, pada tahun 2016, pasukan UPM Serdang Angels telah dinobatkan sebagai Juara bagi Kejohanan Liga Ragbi Malaysia. Pada tahun 2017, pasukan UPM Serdang Angels telah diundi di dalam kumpulan A bersama pasukan Iskandar Raiders, NS Wanderers, Cobra, Politeknik Malaysia dan Mersing Eagles. Keputusan perlawanan UPM Serdang Angels minggu pertama hingga minggu keempat perlawanan tertera:



Lawan

Iskandar Raiders	4 Februari 2017	30-34
NS Wanderers	11 Februari 2017	21-20
Politeknik Malaysia	18 Februari 2017	17-19
Cobra	25 Februari 2017	21-20



Universiti Putra Malaysia telah menubuhkan pasukan Hoki yang dikenali dengan nama UPM-KPT. Penubuhan pasukan Hoki UPM-KPT ini merupakan hasil inisiatif Pusat Sukan UPM bersama Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengetengahkan atlet-atlet Hoki yang berbakat di kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi untuk terus cemerlang dengan penyertaan kejohanan yang lebih kompetitif seperti Kejohanan Liga Hoki Malaysia. Bagi musim 2017, Pasukan Hoki UPM-KPT telah menyertai TNBMHL 2017 (Divisyen 1) dan ianya pertama kali pasukan UPM-KPT menyertai liga ini. Berikut merupakan keputusan-keputusan perlawanan yang melibatkan pasukan Hoki UPM-KPT dalam saingan Divisyen 1.

TNBMHL KEJOHANAN LIGA HOKI MALAYSIA

Bil.	Tarikh	Perlawanan	Keputusan
1.	19 Januari 2017	UPM-KPT - RMAF RAJAWALI	5-1
2.	21 Januari 2017	UPM-KPT - POLITEKNIK MALAYSIA	0-0
3.	2 Februari 2017	UPM-KPT - NURINSAFI HOCKEY	2-6
4.	4 Februari 2017	UPM-KPT - MBPJ	2-0
5.	16 Februari 2017	UPM-KPT - PDRM	2-3
6.	18 Februari 2017	UPM-KPT - BJ SPORTS SCHOOL	3-4
7.	23 Februari 2017	UPM-KPT - JOHOR	1-0

*Menang (3), Kalah (3), Seri (1)

PROGRAM PENGANJURAN KURSUS

Program penganjuran kursus dan program Pusat Sukan UPM bagi bulan Februari 2017:

Bil.	Tarikh/Masa/Hari	Program	Penyertaan	Lokasi
1.	15-19 Februari 2017	Kursus Kejurulatihan Besbol	22 orang peserta	Padang Sofbol UPM
2.	Setiap hari Selasa & Khamis	Sekolah Angkat Besbol	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Indah (28 orang) Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 4 Bangi (35 orang)	Padang Sofbol UPM

UPM SERIUS TINGKATKAN PEMBANGUNAN SUKAN BESBOL



UPM dengan kerjasama Persekutuan Besbol Malaysia dalam usaha untuk membangunkan sukan Besbol dan seterusnya menaikkan kembali minat golongan komuniti terhadap sukan ini. Justeru itu, UPM juga telah memainkan peranan sebagai sebuah organisasi yang amat komited dalam membangunkan sukan Besbol ini bermula dari akar umbi. Terdahulu, Pusat Sukan UPM telah membuat kerjasama dengan kerajaan Jepun dalam usaha untuk menaikkan sukan Besbol di Malaysia khususnya. Beberapa edisi kursus kejurulatihan dan klinik berkaitan sukan Besbol telah dianjurkan oleh Pusat Sukan UPM dalam memastikan golongan komuniti didedahkan dengan sukan ini. Pada 18 Februari 2017, Mesyuarat Agung Tahunan Persekutuan Besbol Malaysia telah diadakan di Bilik Lembaga UPM telah melantik pengurusan baharu dalam memastikan sukan Besbol terus berkembang di Malaysia. YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar, Pendaftar UPM telah dilantik sebagai Presiden Persekutuan Besbol Malaysia, manakala Timbalan Presiden pula telah disandang oleh YBrs. Dr. Hanafiah Ayub, Ketua Pusat Sukan UPM.

PENCAPAIAN PASUKAN UPAM DALAM PENYERTAAN KEJOHANAN

Bil.	Kejohanan	Tarikh	Tempat	Pencapaian
1.	Kejohanan Liga Lawan Pedang KPT-PST Nilai Universiti 2017	18-19 Februari 2017	Stadium Chin Woo, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur	2 Emas, 3 Gangsa
2.	Kejohanan Antarabangsa Terbuka Sofbol Universiti Malaya 2017	23-26 Februari 2017	Universiti Malaya	Peringkat Kumpulan
3.	Kejohanan Olahraga Perak All Comers 2017	24-26 Februari 2017	Stadium Ipoh, Perak	4 Emas, 3 Perak 2 Gangsa

UPM DIKTIRAF DI PERSADA ANTARABANGSA

Dr. Hanafiah Ayub, Ketua Pusat Sukan UPM telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Sukan di peringkat Universiti Asia pada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti Asia yang telah diadakan di Almaty, Kazakhstan. Antara peranan beliau adalah menggubal peraturan kejohanan sukan dan menyelaraskan pertandingan sukan di peringkat Universiti Asia. Selain itu, beliau juga telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan program khas *Asian University Sports Federation (AUSF) - Oceania University Sports Federation (OUSF)* iaitu terlibat dalam penganjuran Kejohanan Benua Asia-Oceania yang pertama kali akan diadakan di bawah naungan *International University Sports Federation (FISU)*. Penglibatan dalam aspek teknikal sukan di peringkat antarabangsa ini merupakan satu platform yang sesuai dalam melonjakkan UPM sebagai sebuah institusi pendidikan yang bereputasi tinggi di peringkat antarabangsa.